



PENGUMUMAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH PENDAFTARAN KONTRAKTOR KELAS F UNTUK CABUTAN UNDI BAGI PEROLEHAN KERJA TAHUN 2018

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak **Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah** (PDTSPT) akan menjalankan sesi pendaftaran untuk cabutan undi bagi projek berikut seperti di lampiran

2. Sehubungan dengan itu, semua Kontraktor Kelas F yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Tengah dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) **CE21 & B04** serta Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dibawah **Gred G1 (Bumiputera) / Kelas F** yang berminat adalah dijemput (tertakluk kepada syarat-syarat di bawah) untuk menghadiri sesi pengundian yang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:-

TARIKH/ HARI UNDIAN	: 23.01.2018
PENDAFTARAN	: Jam 9.00 pagi – 10.00 pagi
WAKTU MULA UNDI	: Jam 10.15 pagi
TEMPAT	: Bilik Mesyuarat Wira Bestari, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah

3. Hanya kontraktor yang berdaftar pada hari tersebut dan **berdaftar dalam sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** sahaja layak untuk diundi bagi perolehan kerja yang disebutkan di atas.

4. Kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja undi dimestikan membawa bersama-sama **Sijil Asal PKK, CIDB, SSM dan Salinan Resit Pendaftaran ePerolehan** pada hari pendaftaran tersebut.

5. Wakil tidak di benarkan mengundi.

6. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan dan sebarang syarat di perkara 2 hingga 5 akan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

7. Sebarang pertanyaan berhubung sesi pendaftaran ini boleh diajukan kepada Penolong Jurutera, Bahagian Pembangunan (04-5488888 Ext : 863)

(**MOHD ALI BIN HAJI SEBRAN**)
Pegawai Daerah
Seberang Perai Tengah
BUKIT MERTA JAM

